

# Karnival Masum 2011 UPM,

## Jia Peng catat tiga rekod baru

UB 28/6/2011 A15

KOTA KINABALU: Perenang Universiti Malaysia Sabah (UMS) Chua Jia Peng menang tiga emas dengan rekod baru kejohanan pada Fasa 1 Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) 2011 yang berlangsung di Universiti Putera Malaysia pada 18-30 Jun.

Beliau mencatat rekod baru dalam acara 200m gaya kupukupu lelaki terbuka dengan catatan 2:32.06s, 200m kuak lentang (2:29.87s) dan 100m kuak lentang (1:05.61s).

Tiga pingat emas tersebut menyaksikan Jia Peng yang juga atlet tunggal UMS dalam acara renang sebagai penyumbang pingat terbanyak UMS di mana beliau turut menang empat perak dan empat gangsa.

Keseluruhananya UMS yang

mengambil bahagian dalam acara renang, silat, olahraga, bola tampar lelaki, bola jaring, mendayung lelaki dan wanita dan kayak telah mengutip enam emas, 11 perak dan tujuh gangsa.

Tiga lagi pingat emas dimenangi atlet olahraga menerusi Asong Joseph (dua emas) dan Nitas Bin Camilus Tan Sing Bee.

Asong menang pingat emas dalam acara lontar peluru wanita dengan jarak lontaran 9.34m dan lempar cakera (25.77m).

Nitas pula menang pingat emas dalam acara 10,000m jalan kaki dengan catatan 59.28.10s.

Enam lagi pingat perak pula dimenangi Pang Tsun Kuo (400m lari berpagar - 57.30s), Vianny S Amora

(400m - 66.12s), Loo Lee Hui (merejam lembing - 32m), Kenson Rubanjar (5,000m), mendayung wanita dan Abdul Azim Azizan Abdul Malik (silat) manakala tiga lagi pingat gangsa dimenangi Pang Tsun Kuo (400m - 51.50s), Josephine Damian (26m) dan Vianny S Amora (800m - 2:41s).

"Kita cuma gagal meraih sebarang pingat dari acara kayak," kata pengarah pusat sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika memberitahu perkara itu kelmarin.

Menurutnya, UMS juga akan mengambil bahagian dalam acara bola keranjang lelaki dan karate pada fasa 2 serta layak ke grand final bola sepak di UiTM Shah Alam pada 1-10 Julai.